

# PM lancar SMS 'Bersamamu UMNO'

UM 3 0 NOV 2002

KUALA LUMPUR 29 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melancarkan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS) terbaru Celcom, 'Bersamamu UMNO' yang menyediakan maklumat terkini tentang aktiviti parti itu.

Di bawah fasa pertama perkhidmatan itu, ahli UMNO juga boleh menyemak status keahlian mere-

ka dan memuat turun nada dering dan logo parti itu, Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Celcom, Datuk Ramli Abbas berkata, fasa kedua "Bersamamu UMNO Melalui SMS" akan dilancarkan pada bulan April tahun depan.

"Ia akan membolehkan ahli UMNO yang menjadi pelanggan Celcom memper-

oleh maklumat dengan lebih banyak seperti panduan telefon dan alamat, keputusan pemilihan parti, kalendar aktiviti tahunan dan juga acara rasmi Perdana Menteri serta petikan menarik Presiden parti.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar yang diadakan selepas majlis pelancaran di Lobi Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di

sini. Upacara pelancaran turut dihadiri pemimpin-pemimpin kanan UMNO, Pengerusi Celcom, Datuk Dr. Munir Majid, Naib Presiden Segmen Kerajaan Celcom, Jafri Kudus dan Pengerusi Langkah Technology Sdn. Bhd, iaitu syarikat yang bekerjasama membangunkan perkhidmatan itu, Datuk Dr. Ibrahim Saad.